

## **BAB II**

### **SEJARAH PENGUASAAN TANAH KOTA BANDA ACEH**

#### **2.1 Latar Belakang dan Objektif**

Sejarah penguasaan tanah kota Banda Aceh yang menjadi fokus perbincangan dalam bab II ini menitikberatkan kepelbagaian penguasaan dan menduduki ke atas tanah berasaskan adat istiadat. Dasar pemberimilikan tanah orang asli merujuk kepada perolehan hakmilik yang telah dimiliki dan diwarisi semenjak berkurun-kurun dan dari nenek moyang. Hal ini sebenarnya menjadi asas penting dalam melihat hakmilik ke atas tanah adalah mengikut zaman semasa pemegangan dan pemilikan hak atas tanah dikaitkan dengan aktiviti perolehan hak atas tanah dan hak untuk menentukan apakah jenis pengiktirafan tanah serta bentuk penggunaannya. Setiap wilayah adat ini hanya ditadbir, diurus dan digunapakai mengikut adat istiadat kumpulan penduduk tempatan kawasan Banda Aceh tersebut. Pentadbiran dan pengurusan setiap wilayah adat yang diamalkan oleh setiap kumpulan penduduk tempatan dalam kawasan Banda Aceh adalah amat jelas dan sistematik. Malah, sempadan diantara wilayah yang dimiliki kumpulan berlainan juga dikenali dengan jelas. Ini adalah sebab setiap sempadan wilayah adat itu ditetapkan dengan berpandukan bukti-bukti kukuh daripada tanda-tanda alam, lagenda dan fakta-fakta sejarah lisan Orang Asli dalam tempatan kawasan Banda Aceh. Semasa zaman kerajaan di Indonesia telah mengenal hakmilik, kerana raja bukanlah pemilik tanah, tetapi raja berkuatkuasa untuk mengawasi dan memberikan pengakuan hakmilik ke atas tanah untuk menyejahterakan hidup masyarakat.

Bagaimanapun sejarah mencatatkan bahawa memiliki tanah tidak hanya bersifat sementara, tetapi pemberimilikan tanah tidak dihadkan kepada tempoh pegangan, hak hakmilik ke atas tanah adalah berkekalan. Pengagihan lot-lot tanah

ditentukan setelah dirujuk kepada, dan dipersetujui, oleh komuniti tempatan Banda Aceh. Bagi individu-individu yang telah mengusahakan tanah mereka dibenarkan untuk mendapatkan hakmilik ke atas kesemua tanah mereka. Pada 1918-1936, *cultuur-stelsel* telah membabitkan sekatan-sekatan tertentu berkenaan urusan tanah yang menghalang orang asli tempatan dalam kawasan Banda Aceh untuk memohon dan memiliki tanah dalam aktiviti penguasaan dan menduduki tanah di Banda Aceh yang diperkenalkan oleh pihak Belanda. Berbagai permasalahan yang dihadapi oleh kalangan penduduk tempatan dan kolonial dalam pengiktirafan wilayah adat orang asli secara pemberimilikan tanah dipohon atau dipersetujui, ketika zaman penjajahan ini menjadi panduan yang sangat penting bagi kalangan penduduk tempat dalam kawasan kota Banda Aceh.

Contoh-contoh penguasaan dan menduduki ke atas tanah telah menjadi bahagian adat istiadat. Namun pada masa yang sama tanah telah menjadi harta pusaka simati yang dapat dialihkan kepada keturunannya. Ini adalah amalan social adat istiadat masyarakat tempatan dalam sebuah kawasan Banda Aceh. Kehadiran kuasa barat melalui Belanda dan Jepun telah sedikit banyak mempengaruhi sistem penguasaan dan menduduki hakmilik atas tanah, dan sebagainya sekiranya terdapat pertindihan dengan wilayah adat orang asli bagi membolehkan pengiktirafan atau pemberimilikan tanah namun demikian tidak mematikan terus kewujudan sistem penguasaan secara adat istiadat yang sediaada.

Oleh itu berdasarkan fakta-fakta ini jelas bahawa penguasaan dan menduduki ke atas tanah yang merujuk kepada sistem secara komunal yang diamalkan berhubungkait dari masa ke semasa berkenaan dengan bagaimana pemilikan itu diperolehinya. Pembahasan bab II ini akan menyelusuri keadaan objektif sejarah penguasaan dan menduduki ke atas tanah. Adakah implikasi wujud persoalan mengenai pemilik atas tanah yang berbanding mengikut zaman kolonial dan kemerdekaan.

## 2.2 Penguasaan Tanah Zaman Sultan

Asal mula hakmilik komunal tradisional dalam kawasan Banda Aceh sudah cukup lama, iaitu sekitar 700 tahun yang lalu. Maklumat yang ada berupa cerita berhubungkait dengan mitos, dan legenda tentang latar belakang asal nenek moyang. Namun, bagi pemberian nama mukim masing-masing telah diketahui dan sehingga sekarang tidak berubah,<sup>24</sup> seperti kampung Kandang, kampung Meurdiwati, kampung Jawa, kampung Keudah, kampung Pande, kampung Pante Pirak, kampung Peunayong dan kampung Neusu yang dahulunya secara langsung berada di bawah kekuasaan Sultan Aceh. Dalam struktur komuniti Banda Aceh memperlihatkan dengan jelas sistem tingkatan derajat komuniti dan masing-masing mempunyai pengaruh yang khusus dalam sistem kehidupan komuniti. Begitu juga berkenaan dengan memiliki tanah, darihal kaum komuniti inti dengan bersepadukan kekhususan tersendiri dalam pemegangan kuasa tanah yang luas dan banyak sehingga cukup dihormati dalam kelompok komuniti.

Kerajaan Aceh hanya memiliki beberapa buah mukim dan beberapa kampung yang langsung di bawah kekuasaannya. Ia merupakan unit-unit pentadbiran pemerintahan yang memiliki kebebasan kekuasaan terlepas daripada mana-mana syarat untuk dipatuhi di luar daripada mukim. Terdapat pengaruh eksternal dalam struktur penguasaan tanah kawasan kampung Banda Aceh oleh kerajaan dan kaum bangsawan.<sup>25</sup> Lazimnya, pemilikan atau penguasaan tanah yang dikaitkan dengan kewajipan suatu komuniti kampung untuk mengadakan beras, daging, ikan, unggas, hingga kepada pinang pun wajib dihasilkan oleh hamba sahaya di daratan dan setiap hari perlu dikirim ke istana, manakala bakinya barulah dibawa ke pasar dan dijual. Itu merupakan cukai sultan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pasar istana. Begitu juga dengan kaum bangsawan yang sudah pasti mempunyai petani-petani mereka yang saban hari

---

<sup>24</sup>Besluit van den Gouverneur van Nederland Indie nombor 8 tahun 1937.

<sup>25</sup>R.A. Dr. Hoesein Djajadiningrat, *Atjehcs Nederlandsch Woordenboek I*, 1934, h. 973-974.

mesti menyediakan keperluan rumah mereka di kota. Sultan Iskandar Moeda merupakan pencipta buku undang-undang yang dikenal dengan nama Adat Meukuta Alam<sup>26</sup> yang mengandungi peraturan-peraturan mengenai pemerintahan Kerajaan Aceh dan adat yang berkuatkuasa dalam kehidupan komuniti.

Pada zaman Kesultanan Iskandar Moeda, sistem feudalisme mula berkembang dan sering berupaya untuk menekan kekuatan politik di kampung dan mukim dengan mengikat petani dengan hubungan pengeluaran. Pada tiap-tiap tahun ia mengumpul sejumlah besar beras daripada kawasan-kawasan yang tunduk kepadanya, dan tanah-tanah disewakan kepada hambanya yang menjamin sebahagian beras sebagai bayaran sewa kepada raja. Meskipun demikian, sistem komunal sangat tertindas dalam kawasan-kawasan kampung. Tanah-tanah komunal kadangkala menjadi sebahagian daripada tanah milik raja atau kaum bangsawan yang memberi biaya dan tanah kepada pengikut-pengikutnya. Secara perlahan dari masa ke semasa sistem ini berkembang dan kaum bangsawan menjadi lebih bersifat individualistik sebagai pemilik-pemilik tanah.

Berbagai-bagai bentuk tanah komunal telah dikerjakan dan diusahakan semasa tahun 1886 pendapatan iman masjid raya bersumberkan pendapatan sawah, kebun kelapa dan kebun rumbia yang dihadiahkan oleh sultan. Sawah-sawah dalam kalangan orang Aceh dikenali dengan nama *umong sara* terletak dalam kawasan Blang Punge dan Blang Padang. Sawah-sawah itu tidak boleh dilakukan perjanjian urusniaga atau dijadikan harta warisan dan ia semata-mata dikhususkan sebagai sumber pendapatan iman yang boleh dikerjakan oleh orang lain atau dirinya sendiri.

Sebagai mengemukakan nyataan yang menjadi soal untuk membuktikan bahawa hakmilik tanah secara individu semasa zaman kesultanan hanya memperlihatkan aktiviti kehariannya yang serasi dengan diketahui oleh jiran

<sup>26</sup>K.F.H. Van Langen, *De Inrichting van het Atjeh sche Staatsbestuur onder het Sultanaat*, 1888, overgedrukt Ned., Indie, Del III- s-Gravenhage, Martinus Nijhoff, 1888, h. 13.

bersebelahan berdampingan atau komuniti tempatan atas pemegangan penguasaan tanah. Tanah-tanah yang diperolehi melalui cara demikian termasuk dalam kategori milikan secara persendirian, dengan secara bebas untuk mengupayakan mengenai pemegangan tanah, urusniaga, gadaian, diwariskan sebagai harta pusaka, dihibahkan, bahkan dibebani dengan hak gadai janji. Sebagaimana diubahsuai berkenaan dengan tanah itu daripada kesemua perbuatan yang berkenaan tindakan undang-undang, individu pemegangan milikan tanah, tanpa perlu memohon kelulusan daripada ahli jawatankuasa atau ketua kampung sebagaimana yang berlaku terhadap tanah bekas milikan adat dan tanah milikan bersama komuniti. Pemegangan kuasa atas tanah tidak pernah menjadi komoditi walaupun perundingan kampung melindungi hingga ke peringkat tertentu dan larangan penjualan tanah kepada orang luar kampung merupakan suatu undang-undang yang dikeluarkan oleh hulubalang kampung. Walaubagaimanapun tanah sawah dibolehkan berkenaan dengan gadaian, manakala keperluan mendesak bagi mendapatkan wang tunai.

Sejak zaman kerajaan Sultan Iskandar Moeda dan jauh sebelumnya, sebahagian besar komuniti kampung telah memiliki tanah berstatus hakmilik atau disebut *tanah mile dan tanah milek gob*, iaitu tanah-tanah yang dikerjakan seperti tanah sawah, tanah ladang, tanah kebun, tanah pekuburan, tanah kediaman untuk rumah, tanah pekarangan dan tanah neuheun. Manakala tanah termasuk dalam kategori *tanoh poteu Allah* adalah seperti tanah rimba, tanah hutan, tanah padang, tanah paya dan tanah gunung. Perolehan status tanah dalam kelompok hakmilik wujud melalui pemberian atau hadiah daripada raja atau pihakberkuasa dalam komuniti, warisan dan urusniaga,

manakala kelompok *tanoh poteu Allah* boleh menjadi hakmilik manakala tanah itu dibuka dan dikerjakan secara terus-menerus.<sup>27</sup>

Tanah komunal yang termasuk dalam lingkungan suatu masyarakat undang-undang dikuasai sepenuhnya oleh komuniti dan dilarang pihak luar yang tidak dikenali dalam kawasan Banda Aceh, walaupun komuniti kampung sangat mengetahui dan mengenali kawasan lingkungan daripada suatu persekutuan undang-undang terhadap tanah-tanah yang belum dikerjakan dalam kawasannya. Penentuan sesuatu konsep yang mengenai bentuk penguasaan dan peraturan atas tanah berdasarkan undang-undang adat, adalah mengikut tatacara daripada perletakan hak tanah pada pihak awam dengan jalan terus menduduki dan tiap-tiap komuniti mempunyai hak yang sama rata dalam lingkungan kampung dan mukim. Mereka tetap bebas meletakan hak-hak individu atas tanah yang tidak mempunyai milik dengan izin mempersetujui ketua kampung dan mukim.

Namun demikian, tanah milik individu masih mengandungi ikatan dengan hak orang ramai atau hak komuniti awam tempatan. Ini adalah suatu kebiasaan yang bukan idea mana-mana orang ataupun pendapat pakar atas beberapa perkara, berkaitan dengan tanah, iaitu:

1. Harus membolehkan dan memperkenankan adanya jalan lintasan di atas tanahnya manakala diperlukan;
2. Membenarkan supaya memberikan hak pengembalaan ternak, manakala tanah tidak berpagar dan tidak ditanami dengan tanaman apapun; dan
3. Harus menurut ketetapan *hak langgeh* manakala tanahnya akan dijual.

---

<sup>27</sup>Sufi, Rusdi, *Perkampungan di Perkotaan Sebagai Wujud Proses Adaptasi Sosial Kehidupan di Perkampungan Miskin Kota Banda Aceh*, Depdikbud Dirjen Kebudayaan Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional, 1982, h. 75.

Bagi tanah milikan individu antara hak dan kewajiban berkaitan dengan satu petak memiliki dampak bahwa ia mempunyai kebebasan penuh ke atas tanahnya dalam beberapa hal tertentu yang berkaitan dengan hakmilik tanahnya jika sekiranya tidak berlawanan dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis. Misalan, bebas membahagikan hasilnya dengan pihak lain, memberi sewa, membuat gadaian untuk menjamin pembayaran balik suatu hutang, menumpangkan orang lain di atasnya, mewakafkannya untuk tujuan amal, menghibahkan kepada pihak lain dan mewariskan kepada keturunannya.

### **2.3 Penguasaan Tanah Zaman Penjajahan Belanda**

Undang-Undang Asas Tanah yang berdasarkan tujuan dan sendi-sendi daripada pemerintahan jajahan adalah Undang-Undang Asas Tanah pentadbiran pemerintahan Hindia Belanda<sup>28</sup> yang diterimapakai dan menjadi sebahagian daripada undang-undang Indonesia semasa ini. Ia memperuntukan pelaksanaan politik tanah kolonial di bawah undang-undang *Agrarische Wet* 1870. Fasal 51 *Indische staatsregeling* tahun 1854, antara lain memperuntukkan:

1. Gabenor jeneral tidak boleh melakukan urusanniaga atas tanah;
2. Mana-mana larangan di atas tidak termasuk tanah-tanah yang tidak luas atau diperuntukan bagi keluasan kota dan kampung serta pembangunan kegiatan-kegiatan usaha kerajinan;
3. Gabenor jeneral hendaklah melakukan sewa tanah menurut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan dalam ordinan. Tidak termasuk yang boleh disewakan ialah tanah-tanah pemegang individu-individu peribumi latar belakang asal pembukaan hutan, dan tanah-tanah peruntukan-peruntukan penggembalaan umum. Kesemua

---

<sup>28</sup>Budi Harsono, *Hukum Agraria Indonesia, Sejarah Pembentukan Undang-Undang Pokok Agrarian, Isi dan Pelaksanaannya*, Jilid I, cetakan X, Jakarta: Djambatan, 2006, h. 33 – 47.

larangan tertakluk kepada tanah-tanah atas dasar milikan kampung dan telah menjadi pengubahsuaian dibuat secara bertulis berkuatkuasa pada tahun 1870;

4. Menurut peruntukan ditetapkan dalam ordinan, kelulusan yang diberikan atas tanah pemberimilik *erfpacth* selama masa tidak lebih daripada tujuh puluh lima tahun;
5. Gabenor jeneral mengikut mana-mana yang sesuai, hendaklah diserahkan pada hakikatnya adalah digunakan untuk memberian tanah tidak bercanggahan hak-hak individu peribumi;
6. Gabenor jeneral tidak berkuasa untuk mengambil tanah-tanah milikan komuniti latar belakang asal daripada pembukaan hutan yang digunapakai untuk keperluan sendiri. Demikian juga terhadap mana-mana tanah sebagai tempat penggembalaan umum atau atas dasar apa-apa juga yang merupakan milik kampung. Satu pengecualian, mana-mana tanah untuk kepentingan umum tertakluk dalam peruntukkan fasal 133 atau untuk keperluan penanaman tanaman-tanaman yang dilakukan atas kuatkuasa pihakberkuasa negeri tertakluk pada peruntukan-peruntukannya, tetapi ia mendapatkan pampasan yang layak;
7. Tanah yang dimiliki oleh individu-individu peribumi dengan pemberian hakmilik pakai peribadi secara turun-temurun atau bermakna sebagai hakmilik bekas tanah adat, oleh sebab permohonan pengubahsuaian secara sah dapat diberikan kepadanya hak *eigendom*, dengan pembatasan-pembatasan diperlukan sebagai yang ditetapkan dengan ordinan dan diterakan dalam surat *eigendom*, iaitu apa-apa berkewajipan terhadap negeri dan kampung. Demikian juga mengenai kuasa-kuasa untuk urusniaga kepada bukan peribumi; dan



8. Penyewaan atau serah pakai mana-mana tanah oleh individu-individu peribadi kepada bukan peribadi dilakukan menurut peruntukan yang tertakluk dalam ordinan Bijblad nombor 148.

Dengan itu, di antara tahun 1830-1939 melalui *cultuur-stelsel* terdapat peruntukan-peruntukan mana-mana tanah tidak dipegang di bawah penggunaan dan dikerjakan oleh individu-individu kawasan kampung oleh kolonial dikuatkuasakan atas dasar sewa kerana ia dianggap sebagai tanah kawasan lapang tertakluk kepada tanah-tanah negeri. Terjadi perubahan terhadap penguasaan tanah pemukiman dan bangunan dalam kekuasaan gabenor tentera sebelum tahun 1918-1936 sebagai kawasan takluknya atau disebut dengan *Atjeh en Onderhoorigheden*.<sup>29</sup>

Sewa tanah oleh kolonial merujuk pada ketentuan-ketentuan dimuat dalam *Algemeene Maatregel van Bestuur* yang digubal dan diluluskan dalam staatsblad nombor 1856-64. Sebagai rumusan, makna *agrarische wet* adalah untuk membuka dan memberikan jaminan undang-undang kepada pihak syarikat berhad agar dapat berjaya di Hindia Belanda. Ia diluluskan oleh kuasa negeri mana-mana tanah terpakai dalam kawasan sedemikian itu sepertimana sebagai jenis perkebunan besar dengan bermilik menjadi tertakluk kepada mana-mana jenis *hak erfpacht*, dengan memiliki masa waktu pemakaian tanah selama tujuh puluh lima tahun. Fasal 720, fasal 721 dan 724 Kitab Undang-Undang Hukum Sivil kolonial, antara lain memperuntukan:

“Jenis hak *erfpacht* merupakan hak kebendaan yang memberikan kuasa paling luas kepada pemegangannya untuk menikmati sepenuhnya akan kegunaan tanah pemilikan pihak lain dan ia dapat juga dilaksanakan gadaian. Mana-mana tanah berjenis hak *erfpacht* yang mengenakan syarat dan sekatan kepentingan manakala bermilik dibuat di bawah ordinan dan untuk memperbezakan atas jenis-jenis status peruntukan tanah.”

---

<sup>29</sup>J. Jongejans, *Land en Volk Van Atjeh Vroeger en Nu*, Baarn: Hollandia Drukkerij, 1939, h. 268.

Undang-undang tanah administratif Hindia Belanda ditadbir berdasarkan kepada asas *Domein Verklaring* jenis perundangan yang utama iaitu:

- a. Sebagai landasan undang-undang bagi kuasa negeri dianggap sebagai pemilik tanah, berkuasa memberikan tanah atas mana-mana jenis hak-hak barat tertakluk pada peruntukan-peruntukan di dalam Kitab Undang-Undang Hukum Sivil kolonial, seperti mana hak *erfpacht* dan *hak opstal*. Kelulusan asas *Domein Verklaring* mengenai pemberian tanah dengan jenis hak *eigendom* menghendaki satu cara memindahmilik negeri kepada mana-mana penerima pengguna tanah; dan
- b. Ia dianggap sebagai dokumen bukti daripada pemilikan.

Pada masa itu, ia terpakai sebagai angapan bahawa pemilik tanah berkuasa bermilik jenis hak *erfpacht* kerana bahagian persoalan ini terletak kepada pihak berkuasa negeri atas tanah sebagai pemilik sivil. Tiap-tiap petak lot-lot tanah dianggap telah ada milikan dan manakala tiada pemilikan atas tanah, maka negerilah bertindak sebagai pemilik.

Mana-mana penggunaan tanah dengan jenis hak-hak ciptaan pihak berkuasa Hindia Belanda semuanya berdaftar pada jabatan *Overschrijvings Ambtenaar* menurut peruntukan-peruntukan di bawah Ordinan Staatsblad nombor 1834-27 yang dipetakan oleh pegawai kadaster. Apa-apa jenis hakmilik tanah ini tertakluk pada undang-undang barat. Ia memiliki hak-hak dan kewajipan sebagai pemegang tanah dan mana-mana syarat dalam bermilik berserta asal perolehan pemilikan. Ia dirujuk sebagai prinsip manakala seseorang itu berhasrat untuk melakukan perbuatan undang-undang atau membuat sebarang gadaian berkenaan tanah, ia terikat dan terbatasi oleh sebab satu kemungkinan yang terkandung dalam undang-undang barat itu. Dengan itu, menjadi satu kemungkinan oleh sebab asal perolehan dan pemilikan tanah yang tertakluk kepada Kitab Undang-Undang Hukum Sivil kolonial yang berbeza dengan undang-undang yang

berkuatkuasa atas tanah kerana sesiapa sahaja yang berhasrat untuk penggunaan tanah cukuplah suatu permohonan tanpa melakukan hal lain dan mana-mana individu, ia dianggap telah boleh disebut sebagai pemegang, maka ia berkuatkuasa ke atas tanah. Sebalik daripada itu, tertakluk pada peruntukan-peruntukan yang mana setelah berkuatkuasa Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), pemakaian kaedah berkenaan penghapusan jenis hak-hak barat melalui satu proses konversi menjadi berbagai-bagai jenis hak atas tanah tertakluk dalam Undang-Undang Asas Tanah.

Huraian-huraian ini secara nyata membawa kepada soalan memberi kesan terhadap bermilik atas tanah apa-apa jenis status hak barat. Selain daripada itu pembuktian pemegangan tanah oleh sebab menjadi pindahmilik, dan urusan oleh menduduki tanah bermilik dan menduduki tanah negeri selepas kolonial tidak lagi berkuatkuasa yang dilakukan secara berterusan hingga sekarang tiada mengikut mana-mana yang sesuai dengan pendaftaran pentadbir tanah atau pengarah negeri. Ini bermakna, pemakaian yang berterusan berkenaan peruntukan di sisi adat dan ia hanya dianggap terpakai bersesuaian dengan keadaan tempatan yang mengambilkira soalan bekas tanah milik adat. Namun demikian, hingga sekarang banyak tanah bekas milik adat ini membuat sebarang urusan atau dalam apa-apa hal lain mengenai tanah tiada satupun didaftar pada pejabat pertanahan negeri.

Isu dan masalah pendaftaran tanah hendaklah diambil kira oleh pengarah pendaftaran tanah dalam pemulihan hakmilik tanah sebelum tsunami untuk dibuat siasatan ke atas latar belakang pemegangan hakmilik berkenaan dengan memuaskan hati mereka mengenai ketepatannya dan perlindungan pemegangan pemilikan ke atas tanah. Walaubagaimanapun, mana-mana tanah yang dikuasai oleh pihakberkuasa negara menghadkan kawasan-kawasan di Banda Aceh itu diletakhakkan atas tanah berjenis hak

*erfpacht* dan jenis status hak-hak barat lainnya yang telah diduduki oleh individu-individu secara liar dan taksah. Selain daripada menduduki tanah jenis status hak-hak barat, orang-orang yang berurusan dengan sewa tanah, gadaian dan urusanniaga. Pemegangan hakmilik tanah dapat pula membuat sebarang urusanniaga berkenaan tanah secara berterusan dengan tiada apa-apa catatan dokumen bertulis. Ia merupakan suatu siasatan dalam menghadapi kesukaran atau menanggung kos dengan cara menyiasati latar belakang pemilikan berkenaan untuk memuaskan hati mereka mengenai pemegangan pemilikan atas tanah dan semasa itu juga tiada didaftar memindahmilik sebagai pemilik daripada mana-mana tanah. Oleh sebab itu, untuk mentertibkan pemilikan atas tanah individu mendapat kelulusan daripada pihakberkuasa negeri dan boleh menjalankan kuasa-kuasanya di bawah fasal 15(2) Peraturan Menteri Dalam Negeri nombor 6 tahun 1972 dan Peraturan Menteri Dalam Negeri nombor 1 tahun 1977, semasa tahun 1980 mengenakan kawasan atau bahagian tanah yang hendak dibina di atasnya diberimilik dengan jenis hak pakai.

Berkaitan dengan pengiktirafan tanah bekas milik adat mempunyai berhubung dengan mana-mana latar belakang asal pemilikan tanah, dan untuk masa kini mengenai pemegangan tanah milik adat tidak berkuatkuasa atau tidak dikenali. Walaupun, di beberapa kawasan masih terdapat saki-baki komuniti undang-undang adat, ia tidak berkuatkuasa ke atas mana-mana tanah di dalam kawasan itu berhubung dengan tanah milik adat. Manakala dikaitkan dengan undang-undang tanah yang hanya bersifat pluralistis, iaitu Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), yang tertakluk secara sebegini boleh berterusan digunapakai, undang-undang tanah adat dan undang-undang tanah kodifikasi. Walaubagaimanapun, hak komunal atau tanah hakmilik adat tidak dikenali, manakala pentadbiran Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-

Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), berjalan sepertimana menurut peruntukannya. Pemegangan tanah individu tidak semua melakukan darihal bersifat formaliti dengan pergi ke pejabat pertanahan negeri dan menganggap bahawa cukup dengan memegang suratikatan daripada ketua kampung. Mana-mana tanah yang tertakluk kepada undang-undang barat atas permohonan bermilik tanah berdaftar, ia dicatatkan dalam buku sedangkan mana-mana tanah milik adat takberdaftar. Untuk membuktikan terdapatnya hak komunal atas tanah, bercanggah dengan peraturan-peraturan yang bersifat lokal oleh residen, hal inilah yang menjadikan pupusnya tanah milik adat.<sup>30</sup>

Tanah dalam kawasan kekuasaan komuniti undang-undang kampung, tiada apa juga mana-mana tanah boleh menyentuh peruntukan-peruntukan mengenai pemegangan sebarang jenis tanah milik. Ia berkuasa memberimilikan pemegangan tanah hakmilik adat kepada individu selagi ia tidak bercanggah dengan keadaan kepentingan dan statut kolonial hindia Belanda. Ini bermakna pihak kuasa kolonial hindia Belanda mana-mana perintah pemberian surat mentadbir kuasa sebagai rujukan dianggap tidak mencukupi memorandum kaedah peraturan adat ke atas tanah.<sup>31</sup> Sehubungan dengan itu, tanah-tanah yang belum digarap, pemerintah kolonial juga membatalkan seluruh urusan konsesi daripada kekuasaan hulubalang dan mukim yang tetap mengambilkira hak menguasai yang dimiliki oleh komuniti ke atas tanah-tanah. Status hakmilik hanya untuk individu tempatan yang menjadi subjek hakmilik. Dengan demikian, tidak mungkin orang yang bukan penduduk tempatan boleh membuat pembahagian atau pindahmilik ke atas hakmilik tanah. Mengenai hak individual ia berkaiterat terhadap terjadinya berkenaan dengan memindahmilik atas pemegangan tanah dengan adanya kelulusan daripada ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung dengan komuniti individu

---

<sup>30</sup>Keresidenan Atjeh Bijblad 1048 dan 12799.

<sup>31</sup>Fasal 226 Atjehreglement geldt echter niet voor de onder inheemsche rechtspraak gelaren bevolking.

yang dianggap sebagai pemilikan individu, juga termasuk dalam golongan tanah berstatus hak *eigendom* menurut undang-undang kolonial dalam penguasaan atas tanah.

Namun di sebalik itu, kawasan-kawasan di Banda Aceh masalah tanah mengikut ketetapan *agrarisch besluit* dalam tahun 1870. Pemakaian *Agrarische wet* diwujudkan oleh pihakberkuasa kolonial hindia Belanda dan berkuatkuasa dalam kawasan Aceh sejak permulaan abad ke-20 iaitu ketika peperangan dengan pihak Aceh yang sudah agak reda. Sementara itu perdamaian antara Sultan Aceh yang terakhir dengan Belanda tahun 1903 telah mengakibatkan tanah tidak ada lagi pemiliknya kerana pihakberkuasa kolonial Hindia Belanda menyatakan bahawa tanah-tanah itu berada dalam penguasaannya.<sup>32</sup> Tanah-tanah tanpa pemilik banyak terdapat di dalam kawasan-kawasan Banda Aceh kerana kebanyakan tanah dalam masa yang sama telah ditinggalkan oleh pemegangan hakmilik akibat pecah perang antara kolonial hindia Belanda dengan kerajaan Aceh semasa tahun 1873-1912.<sup>33</sup>

Setelah peperangan berakhir ada antara pemegang hakmilik tanah sudah tidak kembali lagi dan tidak diketahui di mana pemilik itu berada. Dengan demikian, tiap-tiap satu kawasan atau bahagian yang mana-mana tanah tidak mempunyai dokumen bukti pemilikan dan bukan tanah hakmilik atau mana-mana tanah tidak dikerjakan oleh komuniti tempatan secara kuatkuasa menjadi hakmilik kolonial. Tindakan ke atas tanah ini, mengikut mana yang mustahak di bawah tanah *domein* dan ia terikat dengan semua tindakan sebagai pemegangan hakmilik pihakkuasa kolonial hindia Belanda seperti yang ditakrifkan *Domein Verklaring* dengan satu ordinar yang diperundangkan dalam Staatsblad 1875-119a. Domein merupakan pemakaian kaedah tanah milik negeri tidak dikecualikan atas mana-mana jenis tanah dan dirujuk untuk memberikan peruntukan yang jelas berkenaan pemberian hakmilik *erfpacht* kepada pihak swasta untuk

---

<sup>32</sup>Surat Keputusan Hindia Belanda, bertarih 19 Maret 1874, nombor 86 Staatsblad 1874.

<sup>33</sup>Kumpulan sarakata dimuat dalam Bijdragen tot de Taal-Land en Volkenkunde van Ned., Indie.

kepentingan perladangan tanaman kekal jangka panjang dengan cara menyewa dan mendapat jaminan undang-undang. Undang-Undang Asas Tanah pada masa itu ialah *Agrarian wet* yang diperundangkan dalam Staatsblad 1870-55 sebagai tambahan ayat-ayat baru dalam fasal 62 Regerings Reglement yang kemudian menjadi fasal 51 Indische Staatsregeling dalam tahun 1925 dan agrarisch besluit 1870-118 yang memberikan autoriti kepada Gabenor Jenderal untuk menggunakan sendiri tanah yang dalam penguasaan dan menyewakan tanah menurut syarat-syarat yang ditetapkan oleh ordinar. Fasal 519 dan fasal 520 Kitab Undang-Undang Hukum sivil kolonial, antara lain memperuntukan:

Setiap bidang tanah selalu ada yang memiliki. Kalau tidak dimiliki oleh perorangan atau badan hukum, maka Negaralah pemiliknya.

(Mana-mana lot tanah selalu ada yang memiliki, manakala ia tidak dimiliki oleh orang-orang atau badan, maka pihak kuasa negerilah pemiliknya).

Apa-apa syarat dan sekat tertakluk pada peruntukan *hak erfpacht* yang dibuat dalam *Agrarisch Wet*, ia menjadikan penguatkuasa secara terperinci untuk mendapat bantuan daripada pemilik tanah mengenai berimilik jenis hak *erfpacht*. Maka satu perintah mengikut seperti mana berkenaan dengan berimilik itu dipandang perlu menyatakan bahawa mana-mana tanah adalah di bawah hakmilik negeri. Ia memberi kesan dalam pemberian hakmilik dan negeri tidak bertindak sebagai penguasa, tetapi sebagai pemilik sivil. Selain daripada itu juga, dalam kawasan-kawasan yang letaknya di luar Banda Aceh, pihakberkuasa kolonial hindia Belanda menjalankan satu pengukuran mana-mana tanah dalam negeri dan menetapkan tanda-tanda bersempadanan baru untuk jenis-jenis tanah yang belum dikerjakan. Kerja-kerja menanda sempadan tanah atas segala benda yang perlu dengan munasabahnyanya untuk

menubuhkan garis sebagai penentuan mengenai tanah milik umum atau tanah yang belum dikerjakan itu dinamakan sebagai *Bos wesen*.<sup>34</sup>

Sebaliknya, orang-orang bukan komuniti tempatan dan individu negara asing, perlu mendapatkan satu kelulusan daripada pihakberkuasa kolonial hindia Belanda atas penggunaan mana-mana tanah hak barat, manakala mana-mana tanah hakmilik adat tidak diluluskan untuk tujuan penggunaan kerana mana-mana tanah hakmilik adat tidak ada pasaran yang bebas. Bagi individu negara asing bukan komuniti tempatan berkenaan untuk memperolehi dan menggunakan tanah hakmilik adat tertakluk kepada peruntukan-peruntukan peraturan yang dikenali sebagai larangan pengasingan tanah sebagaimana yang diatur dalam Staatsblad 1875-179. Ia menyatakan bahawa hakmilik tanah adat oleh orang-orang peribumi atau komuniti tempatan tidak dapat dipindahkan kepada individu negara asing. Untuk itu, mana-mana perbuatan berkaitan dengan sebarang urusanniaga dan memindahmilik tuannya mana-mana tanah pada masa itu dianggap perbuatan taksah di sisi undang-undang kerana ia dilarang untuk dipindahmilik.

Hubungan hakmilik komuniti atas tanah tertakluk dalam peruntukan-peruntukan yang dilaksanakan berdasarkan undang-undang adat tetapi untuk jenis-jenis status tanah berlokasi dalam kawasan Banda Aceh, kolonial hindia Belanda menghendaki mana-mana kaedah tanah tidak bertuan akan tertakluk kepada jenis tanah *domein*. Ia memberikan peruntukan penggunaan kaedah *agrarische wet* atas pemegangan hakmilik dan penggunaan tanah, dan dikehendaki terus dipegang mengikut apa-apa di bawah peraturan kolonial hindia Belanda.<sup>35</sup> Mana-mana tanah yang tertakluk kepada mana-mana jenis penggunaan mengikut hak-hak barat yang pada masa itu

---

<sup>34</sup>Fasal 62 ayat 7 RR, Staatsblad 1872 nombor 117, tanah dengan hak eigendom agraria itu dapat diketahui batas-batas sempadan lot tanah kerana mesti didaftarkan dan ada Surat ukur diperolehi dari kantor Kadaster.

<sup>35</sup>Vi teen en Ander volgt, dat de oJok voor grootatjeh geldende domeinverklaring, Staatsblad 1874 nombor 94f eiland Sumatra.



berkuatkuasa mengenai ketiadaan penerusan pemegangan hakmilik tanah dan ia menjadi tidak terurus atau terlantar<sup>36</sup> selepas kolonial hindia Belanda berakhir. Ia terpakai samaada tiada dipegang di bawah hakmilik sesiapaupun dan memberi peluang berkaitan tindakan perampasan tanah oleh komuniti tempatan secara berterusan dengan mengambilkira bahawa seolah-olah ia adalah pemegang tanah yang sah. Sebagai tuanpunya tanah yang mempunyai hak ke atas sebarang urusan berkenaan dengan memindahmilik secara berterusan atau pewarisan harta pusaka secara turun temurun, urusanniaga dan sewa, tidak satu pengecualian dalam semua perkara atas perbuatan-perbuatan yang terjadi ke atas tanah itu.

#### **2.4 Penguasaan Tanah Zaman Penjajahan Jepun**

Pada zaman penjajahan Jepun terdapat persamaan dengan masa-masa sebelumnya tentang pemilikan tanah dalam kawasan Banda Aceh. Segala sesuatu yang berlaku dalam komuniti mendapatkan hakmilik tanah sama seperti sebelum penjajahan kolonial Belanda. Pelbagai pemegangan hak atas tanah pada masa Jepun tiada perubahan terhadap peraturan undang-undang atas tanah. Pada masa Jepun, perolehan tanah tidak diwujudkan dengan peraturan berkaitan dengan hakmilik tanah kerana masa penjajahan Jepun relatif singkat jika dibandingkan dengan masa penjajahan kolonial Belanda.

Namun demikian, penggunaan tanah oleh pihakberkuasa Jepun dilakukan dengan cara pengambilan sesuka hati sahaja bahagian tanah di bawah kuasa komuniti tempatan untuk kepentingan pertahanan dengan menggali kubu-kubu atau kurok-kurok yang berfungsi sebagai tempat pertahanan dan sebagai tempat menyembunyikan alat-alat kelengkapan tentera. Bahagian-bahagian tanah yang digunakan oleh Jepun terletak di kawasan pengunungan dan tepi-tepi pantai. Pengambilan hakmilik tanah dalam

---

<sup>36</sup>El., Hakimy., T.I, *Tentang Penguasaan Tanah pada Masyarakat Pedesaan Di Aceh*, Dalam Herman Slaats dan A.A Trouwborst (Eds) *Tiga Model Pendekatan Studi: Suatu Laporan Penataran*, Banda Aceh: Syiah Kuala Univeritas Press, 1993, h. 56.

kawasan pengunungan tidak dibuat apa-apa bayaran pampasan. Ia tidak mendapatkan satu kelulusan dan memerlukan mana-mana peruntukan satu salinan notis atau pemberitahuan yang melibatkan tanah yang terletak dalam kawasan itu ke atas tanah dipegang di bawah hakmilik hulubalang dan mukim. Oleh sebab Jepun beranggapan mana-mana tanah itu yang digunapakai merupakan bahagian tanah-tanah umum yang tidak ada pemiliknya.

## **2.5 Penguasaan Tanah Zaman Kemerdekaan**

Suatu perubahan dalam undang-undang tanah terjadi dalam zaman kemerdekaan seperti penghapusan hak-hak perubahan dalam kawasan-kawasan persekutuan terhadap tanah hak *eigendom*, hak *erfpacth* dan hak *opstal* menurut *Burgerlijk Wetboek* untuk penggunaan istilah pindahmilik, perubahan sesuatu status hak yang melekat atas tanah dan telah dihapuskannya fasal-fasal dalam *Vorstenlandse Groudhurreglement* yang mengatur hak *konversie*. Begitu juga dengan *domeintheorie* pada amalan hanya merupakan suatu *fictie* dan tidak dapat dipertahankan menurut peraturan yang berkuatkuasa. Dalam hubungan undang-undang antara golongan atas subjek undang-undang yang baginya berkuatkuasa undang-undang sivil berlainan dengan asas tanah yang berkuatkuasa antara golongan, untuk menentukan hubungan undang-undang yang berkuatkuasa atas pemegangan tanah dan atas kuatkuasa Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), sudah tidak berkuatkuasa untuk semua golongan.

Hilang apa-apa kuasa yang diberi dalam senarai persekutuan daripada tata undang-undang *guberneumen* mengakibatkan ketidakpastian terhadap tanah penguasaan asing dalam bentuk *erfpacht* atau sewa yang telah habis tempoh milikan pengusaha *partikelir* Belanda, Eropah dan golongan Timur Tionghoa tidak dapat dibuat

pembaharuan atas sewa tanah yang dilakukan,<sup>37</sup> dan masih terdapatnya halangan undang-undang adat dalam hubungan mengandungi segala fakta beserta darihal keadaan atas hakmilik tanah. Penggunaan tanah mempunyai hak pengelolaan dan diusahakan hanya untuk sekali tuaian dengan mempunyai hak mengambil hasil dan hak pertuanan yang bebas, sebagai bentuk undang-undang hakmilik bagi individu.<sup>38</sup>

Tidak terlaksananya peraturan tentang pengembalian tanah-tanah *partikelir* menjadi tanah negara untuk mencapai likuidasi atas hakmilik tanah secara *integral* dan pelepasan hak daripada autoriti gabenor atas nama pemerintah berdasarkan permohonan pemegang hak *eigendom* bumiputera yang berdasar kepada proses verbal pemeriksaan suruhanjaya tanah yang dibentuk<sup>39</sup> dalam kawasan Banda Aceh disebabkan masa pindahmilik tahun 1945-1960 mendapat gangguan keamanan. Tidak dilakukan pemberian hak atas tanah, keputusan mengenai bermilik atau pengubahsuaian sesuatu hak atas tanah dan terjadinya pengawasan terhadap memindahmilik atas tanah,<sup>40</sup> mengakibatkan munculnya menduduki tanah bermilik atas tanah hak *eigendom* Barat dan *erfpacht* dengan menanami tanaman yang selanjutnya dikuasai dengan mendirikan bangunan tempat kediaman. Padahal ianya tertakluk di bawah perubahan hak-hak *eigendom* yang dokumen catatan bertulisnya tarikh duapuluh empat haribulan september tahun 1960 belum dilakukan penggantian menurut Staatsblad 1948 nombor 54 menjadi hakmilik atau hak pakai ditangguhkan dalam jangka masa ketetapan lebih lanjut daripada Menteri Pertanian.<sup>41</sup>

---

<sup>37</sup>Surat Edaran Kementerian Dalam Negeri R.I. 26 Juni 1950 nombor H3/1/9 dan Staatsbald 1940 nombor 247. Bandingkan dengan Staatsbald 1872 nombor 124 dan Staatsbald 1932, nombor 491 fasal 1 dan 2.

<sup>38</sup>Staatsbald 1908 nombor 509 artikel 1 sampai 9.

<sup>39</sup>Staatsbald 1940 nombor 427.

<sup>40</sup>Peraturan Menteri Agraria nombor 9 tahun 1959, Tambahan Lembaran Negara nombor 1884 dan Keputusan Presiden nombor 55 tahun 1955 dan Peraturan Menteri Agraria nombor 6 tahun 1959 dengan berlakunya ketentuan dalam Staatsbald 1834 nombor 27.

<sup>41</sup>Fasal 5 (2) Peraturan menteri Agraria nombor 5 tahun 1960, tentang penambahan ketentuan peraturan menteri Agraria nombor 2 tahun 1960, lembaran tambahan Negara nombor 2124 dan peraturan menteri Agrarian nombor 13 tahun 1961 tentang pelaksanaan konversi hak *eigendom* dan lain-lain akta belum diganti lembaran tambahan Negara nombor 2345.

Selanjutnya, apa-apa perbuatan untuk memindahhakan atas tanah, menduduki dan penguasaan atas tanah berhakmilik di bawah undang-undang Eropah hanya dapat dilakukan setelah mendapat izin daripada Menteri Pertanahan melalui fatwa yang diberikan oleh pihak ketua dan ahli-ahli jawatankuasa kampung, ketua pertanahan propinsi dan ketua inspeksi tanah atas permohonan yang dikemukakan oleh sebab memindahmilik dengan melakukan pentadbiran daftar atas memindahmilik pemegangan tanah. Secara pentadbiran, kuasa hulubalang masih besar,<sup>42</sup> untuk ikut campur dalam penyerahan pengelolaan penguasaan atas sesebidang tanah dengan ukuran luas tanah yang tidak ditentukan. Untuk mengatur kedudukan tanah yang melekat hakmilik menurut undang-undang Eropah dalam hubungan urusan pindahhakkan atau penggunaan tanah oleh sebab keadaan yang mendesak ia tidak mematuhi peraturan yang telah dikeluarkan oleh pemerintah.<sup>43</sup> Semasa sebelum berlakunya sistem Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), pemakaian kaedah tanah di Indonesia banyak dipengaruhi oleh undang-undang Eropah dan undang-undang tanah adat dan ia disifatkan dalam sistem buku daftar tanah.

Permohonan mengenai tanah hak-hak atas milik adat menurut suatu perletakhakkan takberdaftar hendaklah mengikut kepada mana-mana hal tentang konversi dan tertakluk pada peruntukan di bawah Peraturan Pemerintah nombor 27 tahun 1997 untuk masuk ke dalam sistem Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah). Pengiktirafan konversi adalah pengaturan daripada hakmilik tanah yang ada sebelum berkuatkuasanya Undang-Undang Asas

---

<sup>42</sup>Peraturan Keresidenan Aceh nombor 2 dan nombor 5 tahun 1946.

<sup>43</sup>C. Van Dijk, *Rebellion under the Banner of Islam*, The Hague- Martinus Nijhoff, Van Het Instituut Voor Taal-, Land-En Volkenkunde, 1981, h. 282-283. Bandingkan dengan Undang-undang nombor 1 Darurat tahun 1952 Lembaran Negara 1952 nombor 1 dan Undang-undang nombor 24 tahun 1954 Lembaran Negara 1954 nombor 78 dan Undang-undang nombor 76 tahun 1957 Lembaran Negara 1957 nombor 163.

Tanah. Tiap-tiap permohonan pendaftaran tanah tertakluk di bawah bilangan III ayat terakhir Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), antara lain memperuntukkan:

“Adapun hak-hak yang pada mulanya mengikut kepada peruntukan di bawah Undang-Undang Asas Tanah nombor 5 tahun 1960 atas hak-hak itu tertakluk pada konversi menjadi hakmilik yang baru menurut Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah).”

Daripada huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa, konversi hak-hak atas tanah merupakan penggantian dan perubahan hak-hak yang melekat atas tanah daripada status yang lama sebelum berlakunya Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), terdiri Peraturan Menteri Pertanahan nombor 9 tahun 1958, hak atas tanah yang berdaftar menurut Staatsblad 1873 nombor 38, dan undang-undang barat menjadi status yang baru. Pemakaian konversi dibawa masuk ke dalam aspek undang-undang tanah di Indonesia kerana adanya berkenaan dengan hakmilik tanah yang tertakluk di bawah undang-undang barat, sebelum adanya Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah). Fasal II, peruntukan konversi adalah tertakluk kepada perkara:

- (1). Hak-hak atas tanah yang memberi autoriti seperti mana berkenaan dengan hak yang dimaksudkan dalam fasal 20(1), iaitu: hak *agrarisch eigendom*, *altijddurende erfpacht*, hak usaha keatas tanah bekas *partikilir* ... dan seterusnya;
- (2). Hak-hak sebagaimana terhurai dalam Ayat 1 pemilikan orang asing dan badan yang tidak ditunjuk oleh Pemerintah, sebagaimana dalam fasal 21(2) menjadi hak guna bangunan atau hak guna usaha bersesuaian dengan peruntukan yang dikira patut melalui arahan Menteri pertanahan.

Sebagai rumusan, pemakaian yang berkenaan mengenai tanah-tanah yang tertakluk di bawah undang-undang adat takberdaftar dan untuk permohonan satu perletakhakkan tak berdaftar hendaklah dengan syarat setakat tertakluk di bawah fasal 3 Peraturan Menteri Pertanian dan Agraria nombor 2 tahun 1962. Ia digunakan sekiranya mengenai perkara pemberimilikan menurut peruntukan Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), berkenaan dengan kuasa perletakhakkan, yang hendaklah dilakukan menurut cara penegasan hak dan mana-mana rekod buku dianggap sebagai tanda bukti hak.

Mana-mana tanah yang dilakukan dengan cara penegasan hak atas kepentingan dalam tanah pihak memohon, hendaklah mengemukakan apa-apa instrumen catatan dokumen bertulis pendahulu kepada ketua Jabatan Agensi Pertanahan propinsi berkaitan tanah berimilik. Manakala mana-mana tanah berimilik tiada didapati apa-apa instrumen catatan dokumen bertulis pendahulu, ia menjadi tertakluk kepada peruntukan berkaitan mana-mana tanah yang dilakukan dengan cara surat akuan hak.

Pihakberkuasa awam yang menuntut satu faedah perletakhakkan takberdaftar tanah milik adat boleh memohon memulakan prosiding mengenai tanah didaftarkan kepada ketua Jabatan Agensi Pertanahan Negeri atau pentadbir tanah hendaklah melantarkan pertimbangan dan disiarkan dalam warta notis. Di bawah Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), mana-mana tanah manakala ia didaftarkan, ia tersirat dalam bentuk mengenai pendaftaran tanah adalah untuk menjamin kepastian undang-undang hak ke atas tanah yang merupakan bentuk suatu kadaster undang-undang.

Pendaftaran tanah yang dapat menjamin kepastian undang-undang berkaitan hak ke atas tanah dengan sepenuhnya manakala ia telah memenuhi syarat nyata, iaitu:

- a. Peta, iaitu pelan yang diluluskan oleh pengarah ukur yang merupakan keterangan muktamad bagi sempadan-sempadan, tanda-tanda garis batas sempadan dan keluasan tanah yang dirujuk dan menjadi keterangan prima facie mengenai tanah dan nombor lotnya. Ini disifatkan sebagai syarat berkaitan masalah pendaftaran tanah dengan kekuatan bukti atas pemegangan milikan tanah;
- b. Daftar, iaitu daftar umum atau dokumen surat hakmilik yang diadakan bersesuaian dengan pendaftaran hak sebagaimana pencatatan rujukan kepada pembuktian pemegangan hak atas perletakhakan takberdaftar sebagai pemegangan yang sah. Ia disifatkan sebagai syarat berkaitan soalan sistem pendaftaran hak atas tanah; dan
- c. Setiap hak ke atas tanah dan pindahmilik didaftar dalam daftar umum atau catatan rekod buku tanah atau pemarkahan yang merupakan bahagian daripada segala maklumat butiran mengenai keadaan tanah yang telah diberimilik dengan hak-hak atas tanah. Ia disifatkan sebagai syarat dalam soalan erti pendaftaran bagi pindahmilik.

## **2.6 Kesimpulan**

Perbincangan di atas jelas menunjukkan penegasan mengenai hak tanah dan terhadap dasar pemberimilikan tanah yang mereka pernah duduki adalah apa yang telah dimiliki dan diwarisi semenjak berkurun-kurun dari nenek moyang. Ini adalah kerana setiap ruang wilayah adat ditadbir dan diurus berpandukan kepada guna tanah dan kepentingannya, yang diputuskan dengan mengambilkira persetujuan semua penduduk setempat. Setiap individu yang tersendiri dalam konteks menguasai dan menduduki ke atas tanah dalam kumpulan orang asli setempat dalam kawasan Banda Aceh amat jelas dengan kawasan-kawasan ini serta sempadannya. Lebih penting lagi, aktiviti sistem

pemilikan, pengurusan dan penggunaan wilayah adat ini samaada di darat, di tasik, di laut diurus dan ditadbir berdasarkan adat istiadat bukan sahaja bertumpu ke kawasan-kawasan bandar, malah bukti-bukti menunjukkan bahawa pentadbiran dan pengiktirafan atas hak tanah turut meluas hingga ke kawasan pingir-pinggir bandar dan pedalaman.

Dalam masa yang sama sistem hak atas tanah secara komunal ini bukanlah bersifat individu atas keluasan serta pemilihan mahupun pengagihan lot-lot tanah sebaliknya mengiktirafkan hak dan dasar pemberimilikan tanah hanya boleh dibuat sekiranya dipohon atau dipersetujui oleh komuniti-komuniti Orang asli dalam kawasan tempatan yang berkenaan dan tidak terhad mengikut syarat-syarat.